

Perlu ikhlas — PM

ULM 20 MAY 1993

SHAH ALAM 19 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu syarikat-syarikat usaha sama dari luar negara supaya bersikap ikhlas dalam memindahkan teknologi ke negara ini.

Beliau berkata, mereka harus memindahkan teknologi seberapa tinggi yang boleh kerana ia adalah sesuatu yang dibayar dan tidak secara percuma.

"Kita mahu supaya keuntungan yang diperolehi melalui usaha sama diasaskan kepada kecekapan, daya saing dan tidak kewada perlindungan daripada kerajaan," katanya ketika berucap merasmikan Pembinaan Kilang Pengacuan Proton di sini hari ini.

Beliau menegaskan, ini disebabkan rakan usaha sama asing itu masih

memperolehi keuntungan daripada segi royalti melalui usaha sama berkeuntungan.

"Jika kerajaan terpaksa memberi perlindungan cukai, negara akan mengalami kerugian walaupun syarikat usaha sama itu memperoleh keuntungan," katanya.

Beliau juga menyeru syarikat-syarikat tempatan yang mengadakan usaha sama itu mempelajari sepenuhnya teknologi yang diperlukan dan berusaha memperbaikinya.

"Mereka harus menerima hakikat bahawa tidak ada sesiapa pun yang akan memindahkan 100 peratus teknologi ciptaan mereka. Pandailah kita menguasai dan meningkatkan teknologi sendiri," ujarnya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan

telah menubuhkan satu badan khas untuk bertindak mengawal inflasi.

Katanya, badan itu akan dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi, ahli akademik serta wakil sektor swasta.

Beliau berkata, badan tersebut berperanan membincang, mencari jalan dan merancang usaha membanteras gejala berkenaan.

Membantu

Mengenai Bosnia Herzegovina, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia sanggup menghantar tentera ke Bosnia bagi membantu umat Islam negara itu berperang melawan puak Serb sekiranya diperlukan.

Beliau percaya hasrat tersebut bagaimanapun akan dihalang oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

yang dikuasai oleh negara yang mempunyai kuasa veto.

Beliau memberitahu demikian ketika diminta mengulas mengenai kesediaan Iran untuk mengadakan campur tangan tentera di Bosnia-Herzegovina.

Mengenai keputusan Kerajaan Negeri Kelantan tidak mahu meminda perlembagaan negeri bagi membolehkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mengetahui kedudukan perkara tersebut daripada segi undang-undang.

"Sekiranya perkara tersebut dimestikan, kita kena meminta Kelantan supaya membuat pindaan itu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Perusahaan Otomo-

bil Nasional Berhad (Proton), Tan Sri Jamil Janjani berkata, Proton akan melabur RM260 juta bagi mengeluarkan komponen-komponen acuan kereta.

Katanya, kilang berkeuntungan akan mula mengeluarkan komponen berkeuntungan mulai tahun depan.

Beliau berkata, antara komponen yang akan dikeluarkan ialah blok selinder, 'Bearing Cap' dan 'Crank Shaft'.

Di samping itu dua komponen chasis juga akan dikeluarkan iaitu 'Brake Drum' dan 'Brake Disc'.

"Kilang pengacuan ini dilengkapi dengan peralatan khas pengawalan aliran bagi menentukan penjagaan alam sekitar," katanya.